



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bukan sebab pembalakan, kata MB

TUMPAT - Kerajaan Kelantan menafikan dakwaan bahawa banjir teruk yang dihadapi penduduk di Chuchoh Puteri A di Kuala Krai baru-baru ini disebabkan oleh pembalakan.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, banjir mengejut yang terjadi di kawasan tersebut kemungkinan berlaku kerana aktiviti penerokaan secara haram.


"Apabila saya minta penjelasan dari Pejabat Perhutanan yang berlaku (pembalakan) adalah di luar Sungai Rek, Kuala Krai.

"Memang pernah ada lesen (pembalakan). Tetapi kita menjangkakan apa yang berlaku ini adalah kerana tanah diteroka secara haram," katanya.

Terdahulu beliau meraikan 120 kanak-kanak sempena Majlis Berkhatan Perdana Dewan Undangan Negeri (DUN) Pasir Pekan di Wisma Ibadurrahman di sini

Banjir di Chuchoh Puteri kesan pembalakan?

AKMALIAH RAZAK | 4 Disember 2019



Laporan Sinar Harian 4 Disember 2019.



AHMAD

semalam.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan penduduk di Chuchoh Puteri A berdepan dengan banjir luar biasa di kawasan tersebut berikutan dilanda arus kuat secara me-

ngejut.

Kejadian berkenaan didakwa penduduk dikaitkan dengan penggondolan hutan dan juga tiada sistem tadahan air secara semula

jadi kerana pokok-pokok yang menjadi benteng sudah ditarah.

Ahmad berkata, beliau sudah mengarahkan Pejabat Tanah dan Galian dan Jabatan Perhutanan untuk membuat semakan terperinci kes terbabit.

"Kalau ada penerokaan haram seperti itu ia tidak sepatutnya berlaku sebab kita ada pegawai selia hutan.

"Kita akan ambil tindakan setelah mendapat maklumat terperinci dan kita sudah berikan arahan," katanya.